


BAB 6

FUNGSI PREDIKAT DAN PENERANG PREDIKAT

6.1 Pengenalan

Bab ini menjawab tujuan kajian yang kedua dan ketiga, iaitu fungsi kata sifat sebagai predikat dan penerang predikat. Oleh itu, bab ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian pertama menjelaskan fungsi kata sifat sebagai predikat ayat dan bahagian kedua menjelaskan fungsi kata sifat sebagai penerang predikat. Dalam fungsi predikat, kata sifat mengisi gatra predikat, iaitu hadir dalam bahagian teras, manakala dalam fungsi penerang predikat, kata sifat mengisi gatra keterangan atau adjung, iaitu hadir dalam bahagian periferi.

Dalam pola ayat yang biasa, gatra subjek lazimnya mendahului gatra predikat dan gatra adjung, dan ini ditunjukkan menerusi rajah di bawah:



Rajah 6.1
Unsur Teras dan Unsur Sampingan

Berdasarkan kepada Rajah 6.1 ini, subjek dan predikat merupakan unsur teras, manakala penerang predikat merupakan unsur sampingan dalam sesebuah ayat.

Oleh itu, penerang predikat diletakkan di luar bahagian teras, iaitu dalam bahagian adjung ayat. Kata sifat yang menjalankan fungsi predikat hadir dalam gatra di bahagian teras ayat, manakala kata sifat yang menjalankan fungsi penerang predikat hadir di luar teras ayat, iaitu pada bahagian periferi.

Seperti yang telah dijelaskan pada bahagian 4.2, fungsi prototipikal kata sifat adalah sebagai penerang nama. Oleh itu, apabila kata sifat hadir dalam gatra predikat, kata sifat dikatakan telah mengalami sesesaran sintaktik, iaitu beralih kedudukannya daripada gatra asal (gatra penerang) kepada gatra predikat, iaitu gatra yang merupakan gatra asal bagi kata kerja. Disebabkan kata sifat ini hadir dalam gatra asal bagi kata kerja, maka jumlah kata sifat yang menjalankan fungsi predikat ini amat rendah berbanding fungsi prototipikalnya, iaitu sebagai penerang nama. Seperti yang diperkatakan pada bahagian 4.6.2, kata sifat yang mengisi predikat boleh terdiri daripada bentuk tunggal atau frasa. Dalam bentuk tunggal, hanya kata sifat yang mengisi gatra predikat, manakala dalam bentuk frasa, kata sifat hadir bersama-sama unsur-unsur lain. Bagi kata sifat yang menjalankan fungsi penerang predikat, kata sifat yang mengisi gatra ini perlu hadir bersama-sama kata sendi, iaitu kata sendi *secara* dan *dengan*. Kata sifat yang didahului oleh kata sendi ini menjadi penanda bahawa kata sifat tersebut menjalankan fungsi penerang predikat dan hadir dalam gatra adjung.

6.2 Fungsi Predikat

Dalam bahagian 4.6.2. dinyatakan bahawa predikat dalam bahasa Melayu terdiri daripada kata nama, kata kerja dan kata sifat. Bagi gatra predikat yang diisi

oleh kata sifat, kata sifat ini boleh terdiri daripada kata sifat atau frasa sifat. Kedua-dua kata sifat dan frasa sifat yang mengisi gatra predikat ini hadir dalam klausa utama dan klausa bukan utama. Kehadiran kata sifat yang melibatkan klausa utama menjelaskan bahawa kata sifat ini menjadi inti bagi predikat klausa utama, manakala dalam klausa bukan utama, kata sifat ini hadir dalam predikat selepas kata hubung terutama dalam ayat majmuk pancangan. Dalam bahagian ini, kehadiran kata sifat dalam gatra predikat dijadikan penelitian sama ada dalam klausa utama atau bukan utama. Berdasarkan kepada data yang diteliti, yang berikut ini merupakan contoh kata sifat yang berfungsi sebagai predikat:

- (1) Keputusan peperiksannya / amat baik pada semester ini.

Dalam ayat (1) ini, gatra subjek diisi oleh frasa nama *keputusan peperiksannya*, manakala gatra predikat diisi oleh frasa sifat *amat baik*, iaitu yang terdiri daripada penanda intensiti *amat* dan kata sifat *baik*. Frasa predikat ini hadir dalam klausa utama. Frasa *pada semester ini* pula merupakan unsur penerang predikat kerana hadir dalam bahagian adjung. Oleh itu, subjek dan predikat merupakan unsur teras ayat, manakala adjung merupakan unsur periferi atau sampingan. Ayat (1) ini kelihatan mudah untuk dianalisis kerana ayat ini dengan jelas menunjukkan unsur pengisi bagi setiap gatra. Bagaimanapun, daripada data yang diteliti, kata sifat yang hadir dalam gatra predikat agak sukar ditentukan fungsinya kerana dalam gatra predikat, kata sifat bukan sahaja berfungsi sebagai predikat ayat, tetapi juga boleh berfungsi sebagai penerang, sama ada sebagai penerang kata nama atau penerang kepada kata kerja.

Hal ini disebabkan kebanyakan kata sifat yang terdapat di dalam data menjalankan fungsi sebagai penerang berbanding predikat atau penerang predikat. Dalam menjalankan fungsi penerang, kata sifat tidak terbatas kehadirannya dalam gatra subjek sahaja, tetapi kebanyakan kata sifat ini hadir dalam gatra predikat. Aspek yang membezakan antara kedua-dua fungsi ini adalah pada tahap hierarki tatabahasa, iaitu fungsi penerang berlaku pada tahap frasa, manakala fungsi predikat berlaku pada tahap klausa. Di samping itu, gatra predikat juga merupakan binaan yang kompleks kerana selain daripada unsur inti yang membina klausa predikat, terdapat beberapa unsur keterangan lain yang hadir dalam gatra ini.

Kekeliruan timbul antara kata sifat yang berfungsi sebagai penerang kerja dengan kata sifat yang berfungsi sebagai predikat. Justeru, salah satu cara untuk membezakan kata sifat yang berfungsi sebagai penerang kerja dengan kata sifat yang berfungsi sebagai predikat ialah dari segi posisinya. Seperti yang telah dijelaskan pada bahagian 5.2.1 dan 5.3.1, kata sifat yang berfungsi sebagai penerang sama ada sebagai penerang nama atau penerang kerja lazimnya hadir selepas kata nama inti atau selepas kata kerja inti, kecuali kata sifat dalam subgolongan kecepatan atau kuantiti (contohnya cepat menangis, kuat beribadah) yang hanya boleh hadir sebelum kata kerja inti apabila berfungsi sebagai penerang.

Contoh :

- (2) *Beliau / cepat menangis apabila tinggi sahaja suara bapanya..*
- (3) *Beliau / kuat beribadah dan menunaikan kewajipan sebagai seorang Islam dengan penuh keyakinan.*

Berdasarkan kepada ayat (2) dan (3) di atas, kata sifat *cepat* dan *kuat* hadir dalam gatra predikat. Bagaimanapun dalam gatra ini, kata sifat berfungsi sebagai penerang dan tidak sebagai predikat kerana kata sifat tersebut boleh digugurkan, manakala kata kerja yang bertindak sebagai kata inti tidak boleh digugurkan. Hal ini dijelaskan dalam contoh (2a) dan (3a) yang menunjukkan pengguguran kata sifat sebagai penerang dan contoh (2b) dan (3b) yang menunjukkan pengguguran kata kerja sebagai inti.

- (2a) *Beliau / Ø menangis apabila tinggi sahaja suara bapanya..*
- (3a) *Beliau / Ø beribadah dan menunaikan kewajipan sebagai seorang Islam dengan penuh keyakinan.*
- *(2b) *Beliau / cepat Ø apabila tinggi sahaja suara bapanya..*
- *(3b) *Beliau / kuat Ø dan menunaikan kewajipan sebagai seorang Islam dengan penuh keyakinan.*

Ayat (2a) dan (3a) masih gramatis apabila digugurkan unsur penerangnya, tetapi dalam ayat (2b) dan (3b), pengguguran kata inti yang terdiri daripada kata kerja menyebabkan ayat yang dihasilkan tidak gramatis. Aspek ini dapat membezakan fungsi kata sifat sebagai penerang dengan fungsi kata sifat sebagai predikat apabila hadir dalam gatra predikat kerana dalam fungsi penerang kata sifat merupakan unsur pilihan, manakala dalam fungsi perdikat, kata sifat merupakan unsur wajib.

Dalam fungsi predikat pula, walaupun polanya kelihatan sama seperti pola dalam contoh (2) dan (3), khususnya apabila diteliti pada aras frasa, iaitu kata sifat mendahului kata kerja, contohnya *pandai memasak*, *sibuk melayan tetamu* dan

berani menyuarakan pendapat, tetapi kata sifat ini merupakan inti predikat kerana kata sifat ini tidak boleh digugurkan. Jika kata sifat itu digugurkan, maka ayat yang terhasil tidak mempunyai makna. Tambahan pula, bagi menjelaskan fungsi predikat ini penelitian perlu dilakukan pada aras klausa dan ayat.

Contoh:

- (4) *Mahathir pula / sibuk melayan dan makan bersama tetamu.*
- (5) *Enjah dan anak-anak daranya / memang pandai memasak.*
- (6) *Beliau / bijak membahagikan masa sehingga semua anaknya yang ditemu bual mengatakan mereka tidak pernah terasa diabaikan.*

Berdasarkan contoh di atas ini, perkataan *sibuk*, *pandai* dan *bijak* merupakan kata sifat yang menjalankan fungsi predikat kerana kata sifat ini mengisi gatra predikat dan menjadi unsur utama dalam gatra predikat ini. Sebagai unsur utama, kata sifat ini tidak boleh digugurkan. Unsur-unsur lain yang hadir dalam gatra predikat merupakan unsur keterangan yang memberikan maklumat tambahan terhadap predikat utama tersebut. Tambahan pula, bagi menentukan pola ayat, penentuan pola perlulah konsisten dan jika kata sifat ini diikuti oleh kata dalam golongan selain daripada kata kerja, misalnya kata nama, maka polanya juga harus sama.

Contoh:

- (7) *Abdul Rahman pandai ilmu hisab, maka sekali-sekala Zaleha meminta bantuan daripada beliau.*

Berdasarkan contoh di atas, ayat (4-7) mempunyai pola yang sama, iaitu Frasa Nama + Frasa Sifat. Jika kata sifat yang diikuti oleh kata kerja atau kata

nama tidak dianggap sebagai inti predikat, maka pola ayat (4-6) adalah berbeza daripada ayat (7), iaitu ayat (4-6) mempunyai pola Frasa Nama + Frasa Kerja, manakala ayat (7) mempunyai pola FN + FN. Oleh itu, penentuan pola ini turut menjelaskan kata sifat sebagai unsur inti dalam predikat. Dalam data yang diteliti ini, kebanyakan kata sifat mempunyai pola seperti ini, iaitu kata sifat hadir bersama-sama kata kerja dalam gatra predikat.

Oleh itu, dalam kajian ini, unsur utama yang membina sesuatu frasa atau klausa perlu ditentukan. Jika kata sifat menjadi unsur utama kepada klausa predikat, maka kata sifat tersebut berfungsi sebagai predikat (iaitu kehadirannya pada konstituen peringkat tinggi), tetapi jika unsur utama terdiri daripada kata nama atau kata kerja, maka kata sifat tersebut merupakan penerang yang hadir dalam sesuatu frasa (iaitu kehadirannya pada konstituen peringkat rendah). Dari segi sintaktik, dalam gatra predikat ini, kata sifat boleh hadir secara sendirian atau hadir bersama-sama unsur penerang yang lain seperti penanda intensiti, penanda bandingan, penanda aspek atau penanda modalitas. Dari segi posisinya, penanda-penanda ini lazimnya mendahului kata sifat dan dalam kajian ini hanya dua jenis penanda intensiti sahaja yang hadir di belakang kata sifat, iaitu penanda intensiti belakang dan penanda intensiti bebas. Dalam kajian ini, terdapat dua pola utama kata sifat apabila mengisi gatra predikat, iaitu:

- (i) Kata sifat tanpa perbandingan.
- (ii) Kata sifat perbandingan.

Kedua-dua pola ini dibezakan dengan kehadiran kata perbandingan *lebih* atau *kurang*. Bagi gatra predikat yang didahului oleh kata perbandingan ini, kata sifat tersebut dianggap sebagai kata sifat perbandingan, manakala kata sifat yang tidak

didahului oleh kata perbandingan ini dianggap sebagai kata sifat tanpa perbandingan.

6.2.1 Kata Sifat Tanpa Perbandingan

Bagi pola ini, kata sifat yang mengisi gatra predikat boleh terdiri daripada:

- (i) Kata sifat
- (ii) Penanda intensiti + kata sifat + (penanda intensiti)
- (iii) Penanda aspek + kata sifat
- (iv) Penanda modalitas + kata sifat

Kata sifat yang mengisi gatra predikat ini sebahagian besarnya terdiri daripada kata dasar, manakala sebilangan kecil lagi terdiri daripada kata terbitan. Imbuhan terbitan kata sifat dalam gatra predikat ialah imbuhan *ter-* dan imbuhan *peN-*.

6.2.1.1 Subjek + Kata Sifat

Dalam kajian ini, dari segi sintakmatik, pola ini amat sedikit berbanding kehadiran kata sifat bersama-sama unsur penerang yang lain, manakala dari sudut morfologi pula, kata sifat yang menjadi predikat lazimnya terdiri daripada kata dasar.

Contoh:

- (8a) *Beliau / pandai mengaji al-Quran.*
- (8b) *Mereka / ikhlas dalam melakukan sesuatu.*

- (8c) *Mereka / takut surau tua akan dirobohkan.*
- (8d) *Wan Mas / sibuk memasak dan menyediakan makanan malam.*
- (8e) *Alasan beliau / mudah, iaitu supaya anak cucunya senang berulang-alik pergi kerja atau ke sekolah.*
- (8f) *Ibu Enjah / terkenal sebagai majikan yang berbudi dan bertimbang rasa.*

Berdasarkan kepada contoh (8a-8f) di atas, kata sifat ini hadir dalam gatra predikat, iaitu mengisi gatra asal bagi kata kerja. Dalam menjalankan fungsi predikat, kata sifat lazimnya terdiri daripada kata dasar (contoh 8a-8e) dan dalam kajian ini, terdapat satu sahaja kata sifat terbitan yang hadir tanpa unsur penerang, iaitu perkataan *terkenal* (contoh 8f). Dalam menjalankan fungsi predikat ini, kata sifat lazimnya diikuti oleh unsur keterangan yang bertujuan memberikan penjelasan lanjut terhadap sifat atau keadaan sesuatu.

6.2.1.2 Subjek + Penanda Intensiti + Kata Sifat + (Penanda Intensiti)

Penanda intensiti lazimnya mengisi slot predikat bersama-sama kata sifat. Kemampuan untuk penanda intensiti ini hadir bersama-sama kata sifat menyebabkan penanda intensiti ini dianggap sebagai salah satu ciri utama kata sifat. Terdapat tiga pola penanda intensiti yang hadir dalam gatra predikat, iaitu pola pertama merupakan pola yang paling lazim, iaitu penanda intensiti mendahului kata sifat, contohnya penanda intensiti *tidak, bukan, kurang, agak, lebih, paling, amat, sangat, begitu, memang, benar-benar* dan *maha*. Pola yang

kedua ialah penanda intensiti yang hanya hadir selepas kata sifat, contohnya perkataan *sekali*. Pola terakhir ialah penanda intensiti yang boleh hadir sebelum dan selepas kata sifat. Bagaimanapun bagi pola ketiga ini, lazimnya penanda intensiti mendahului kata sifat berbanding selepas kata sifat, contohnya perkataan *sungguh*. Penanda intensiti ini bertujuan untuk menggredkan kata sifat ke dalam skala-skala tertentu, iaitu daripada tingkat ketiadaan sehingga ke peringkat tertinggi, iaitu peringkat keagungan. Dalam kajian ini, penanda intensiti yang terdapat di dalam data korpus terdiri daripada perkataan *tidak*, *bukan*, *kurang*, *agak*, *lebih*, *paling*, *amat*, *sangat*, *sungguh*, *sekali*, *begitu*, *memang*, *benar-benar* dan *maha*. Skala perbandingan ini ditunjukkan oleh Jadual 6.1 yang berikut:

Jadual 6.1
Skala Perbandingan dan Penanda Intensiti

Skala Perbandingan	Penanda Intensiti
Keagungan	maha
Kepalingan	paling, amat, sangat, sungguh, sekali, begitu, memang, benar-benar, betul-betul
Kelebihan	lebih
Keagakan	agak
Kekurangan	kurang
Ketiadaan	tidak
	bukan

Berdasarkan jadual ini, yang berikut merupakan contoh kehadiran kata sifat bersama-sama penanda intensiti dalam gatra predikat.

Contoh:

(9a) *Beliau / tidak boros atau berbelanja mengikut nafsu.*

(9b) *Nyah / bukan garang, tetapi strict.*

- (9c) *Beliau / kurang arif dalam mata pelajaran Fizik dan Kimia.*
- (9d) *Arus sungai pada masa itu / agak deras.*
- (9e) *Kereta Mercedes / lebih tahan lasak.*
- (9f) *Mokhzani / yang paling nakal.*
- (9g) *Pelajaran / amat penting bagi masa depan rakyat Kelantan.*
- (9h) *Dia / sungguh teliti.*
- (9i) *Kedua-dua suami isteri juga / sangat pembersih sifatnya walaupun rumah sempit dan anak pula ramai.*
- (9j) *Bahasanya / indah sekali.*
- (9k) *Dato' Onn / begitu kagum dengan kebolehan beliau.*
- (9l) *Enjah dan anak-anak daranya / memang pandai memasak.*
- (9m) *Dia / benar-benar prihatin dan mengambil berat tentang hal rakyat.*
- (9n) *Ruang / terlalu sempit dan tidak ada bilik tidur.*
- (9o) *Beliau / betul-betul santai, berkelah di tepi sungai.*
- (9p) *Allah / maha adil.*

Berdasarkan kepada contoh di atas, penanda intensiti lazimnya hadir dalam gatra predikat apabila kata sifat menjadi predikat ayat. Bagaimanapun, dalam data yang dikaji ini, hanya penanda intensiti *paling* seperti dalam contoh (9f) yang turut didahului oleh kata relatif *yang* berbanding penanda intensiti yang lain. Di sini, kata relatif *yang* bertujuan untuk memberi penegasan kepada predikat. Oleh itu, kata relatif *yang* ini bersifat optional, iaitu boleh diletakkan sebagai salah satu unsur yang mengisi predikat atau digugurkan kerana hubung relatif *yang* lazimnya hadir dalam fungsi penerang dan bukan dalam fungsi predikat.

Lazimnya penanda intensiti mendahului kata sifat, bagaimanapun dalam data yang diteliti ini terdapat satu penanda intensiti yang bukan sahaja boleh mendahului kata sifat, tetapi juga boleh mengikuti kata sifat, iaitu penanda intensiti *sungguh*.

Contoh:

- (10) *Siti Hasmah / gemar sungguh sukan bola jaring.*

Di samping itu, penanda intensiti *sekali* hadir hanya selepas posisi kata sifat.

Contoh:

- (11a) *Mahathir / senang sekali dengan isterinya.*

- (11b) *Bahasanya / indah sekali.*

Daripada data yang diteliti jelas menunjukkan bahawa penanda intensiti lazimnya mendahului kata sifat apabila hadir dalam gatra predikat. Penanda intensiti ini juga bukan sahaja terdiri daripada bentuk tunggal, tetapi juga terdiri dalam bentuk gandaan (lihat contoh 9m dan 9o).

6.2.1.3 Subjek + Penanda Aspek + Kata Sifat

Penanda aspek yang lazimnya hadir bersama-sama kata kerja turut mengisi gatra predikat yang diisi oleh kata sifat sebagai predikat. Bagaimanapun jumlah penanda aspek yang hadir di hadapan kata sifat di dalam gatra predikat adalah rendah dan antara penanda aspek tersebut ialah *sudah*, *telah*, *pernah*, *masih*, *sedang* dan *akan*. Daripada enam penanda aspek ini, tiga daripadanya, iaitu *masih*, *sudah* dan *telah* hadir dalam jumlah yang agak tinggi berbanding penanda

aspek yang lain. Penanda-penanda aspek ini lazimnya hadir bersama-sama kata sifat dalam subgolongan waktu, tenaga dan kognisi. Kemampuan untuk penanda aspek ini hadir bersama-sama subgolongan kata sifat tertentu telah menyebabkan bilangan penanda aspek yang mengisi gatra predikat agak kecil jumlahnya. Hal ini disebabkan hanya kata sifat yang mempunyai ciri-ciri waktu yang boleh menerima penanda aspek. Penanda aspek yang mengisi gatra predikat ini boleh terdiri daripada dua pola, iaitu pola penanda aspek + kata sifat dan pola penanda aspek + penanda intensiti + kata sifat. Bagaimanapun, pola penanda aspek yang diikuti oleh penanda intensiti ini amat sedikit dan dalam data ini hanya penanda aspek *masih* yang boleh mendahului penanda intensiti *terlalu* dan *agak* (lihat contoh 13a dan 13b).

Contoh:

(12a) *Beliau / masih aktif dalam politik.*

(12b) *Beliau / telah lewat sampai ke Gombak.*

(12c) *Bangunan itu / sudah tua.*

(13a) *Maimunah / masih terlalu kecil.*

(13b) *Masyarakat tempatan / masih agak jahil akan pentingnya pendidikan sekular.*

Contoh (13) ini menunjukkan bahawa dalam posisi predikat, polanya ialah penanda aspek hadir di hadapan penanda intensiti dan penanda intensiti ini mendahului kata sifat.

6.2.1.4 Subjek + Penanda Modalitas + Kata Sifat

Dalam data ini terdapat dua sahaja penanda modalitas yang mengisi gatra predikat, iaitu *mesti* dan *pasti*. Antara kedua-duanya, penanda modalitas *mesti* lebih banyak jumlahnya berbanding penanda *pasti*.

Contoh:

(14a) *Mereka / mesti pandai memikat pemimpin atasan.*

(14b) *Mereka / pasti kagum melihat keindahan reka bentuk masjid.*

Berdasarkan kesemua contoh di atas, didapati dalam posisi predikat, kata sifat boleh hadir secara sendirian atau hadir bersama-sama penanda intensiti, penanda aspek dan penanda modalitas. Lazimnya penanda-penanda ini diletakkan pada posisi yang mendahului kata sifat dan hanya sebilangan kecil sahaja yang hadir selepas kata sifat.

6.2.2 Kata Sifat Bandingan

Dalam fungsi predikat, kata sifat yang mempunyai ciri-ciri bandingan lazimnya ditandai dengan kata bandingan *lebih* atau imbuhan *ter-* atau *se-*. Bagi kata sifat bandingan dengan yang hadir dengan kata bandingan, kata bandingan *lebih* ini hadir dalam posisi yang mendahului kata sifat dan lazimnya turut disertai oleh kata sendi *daripada* bagi menunjukkan perbandingan sesuatu sifat. Ini ditunjukkan menerusi rumus yang berikut:

lebih + kata sifat ... daripada

Contoh:

- (15a) *Fatimah / lebih selesa menumpang di rumah kawan daripada menginap seorang diri di hotel tanpa suami.*
- (15b) *Rumah ke dua ini / agak lebih baik sedikit binaannya daripada rumah pertamanya yang tiada berdinding.*
- (15c) *Seberkas kayu / lebih kuat daripada sebatang kayu.*

Daripada contoh di atas, kata sifat yang mengisi gatra predikat mendukung maksud perbandingan apabila didahului oleh penanda intensiti *lebih* dan diikuti oleh kata sendi *daripada* dalam struktur ayatnya. Bagi kata sifat yang hanya didahului oleh penanda intensiti *lebih* dan tidak diikuti oleh kata sendi *daripada*, maka ayat yang terhasil tidak membawa maksud bandingan.

Contoh

- (16a) *Abu Hassan / lebih patuh orangnya.*
- (16b) *Maimunah / lebih terkenal dengan paras yang cantik dan menarik minat para jejaka.*

Di samping kata bandingan *lebih*, dalam bahasa Melayu, perkataan *kurang* yang dianggap sebagai antonim kepada *lebih* juga dianggap sebagai kata bandingan. Bagaimanapun, dalam data yang diteliti ini, perkataan *kurang* tidak dianggap sebagai kata bandingan kerana baris konkordans yang diteliti tidak menunjukkan pola “*kurang + kata sifat*” membawa maksud bandingan, melainkan sebagai penanda intensiti disebabkan kata ini tidak hadir bersama-sama kata sendi *daripada* atau *berbanding*.

Contoh :

- (17a) *Beliau / kurang arif dalam mata pelajaran Fizik dan Kimia.*
- (17b) *Abu Hasan dan isterinya / kurang selesa dengan kehadiran Ibu Enjah.*

Berdasarkan kepada contoh 16 dan 17 di atas dapat disimpulkan bahawa dalam bahasa Melayu, kata sifat yang mengisi gatra predikat hanya membawa maksud bandingan jika kata sifat itu didahului oleh penanda intensiti *lebih* / *kurang* dan diikuti oleh kata sendi *daripada* / *berbanding*. Jika hanya penanda intensiti dan kata sifat sahaja yang mengisi gatra predikat seperti contoh (17a dan 17b), ayat yang terbentuk tidak membawa maksud bandingan.

Bagi kata sifat bandingan yang hadir tanpa kata bandingan, kata sifat tersebut lazimnya ditandai dengan imbuhan *se-*. Imbuhan awalan *se-* yang mengisi gatra predikat ini terdiri daripada kata sifat sebagai kata dasarnya dan imbuhan ini bertujuan untuk menunjukkan perbandingan sifat yang sama tarafnya. Bagaimanapun, dalam data yang diteliti ini hanya terdapat lima sahaja contoh awalan *se-* untuk maksud bandingan, iaitu *sebesar*, *selucu*, *semanis*, *sehebat* dan *seberat*. Lazimnya awalan *se-* ini didahului oleh penanda intensiti *tidak*.

Contoh:


- (18a) *Masjid itu / tidak sebesar masjid mukim Banggol.*
- (18b) *Perkahwinan Enjah dengan Ismail / tidaklah selucu peristiwa kahwin serkup.*
- (18c) *Murid-murid sekolahnya / tidak sehebat murid-murid dari sekolah laki-laki, terutama dalam sukan piramid dan India Club.*

Walaupun pada umumnya awalan *se-*, dari sudut makna mendukung maksud perbandingan yang sama tara, tetapi kelima-lima contoh kata sifat berawalan *se-* didahului oleh penanda intensiti *tidak* yang membawa maksud perbandingan yang tidak sama tara. Data korpus ini jelas menunjukkan bahawa kelaziman kata sifat berawalan *se-* digunakan untuk menunjukkan perbandingan yang tidak sama tara, iaitu dengan meletakkan penanda intensiti *tidak*. Agak jarang digunakan kata terbitan berawalan *se-* bagi maksud perbandingan yang setara.

6.3 Fungsi Penerang Predikat

Dalam fungsi penerang predikat ini, kata sifat hadir pada posisi adjung ayat. Dalam posisi adjung ayat kata sifat ini didahului oleh kata sendi *dengan* dan *secara*. Oleh itu, dalam posisi adjung, kata sifat yang berfungsi sebagai penerang predikat ditandai oleh kata sendi. Penanda *dengan* dan *secara* dapat menjelaskan fungsi kata sifat sebagai penerang predikat, iaitu unsur yang hadir di luar bahagian teras. Seperti yang telah diterangkan pada bahagian 4.6.3, adjung ayat merupakan unsur periferi, iaitu unsur sekunder yang diletakkan di luar unsur teras dan menjadi penerang kepada unsur teras, lazimnya predikat. Walau bagaimanapun, seperti adjung yang lain, unsur penerang predikat dalam kajian ini bersifat luwes, iaitu unsur ini boleh hadir bukan sahaja selepas predikat ayat, tetapi juga boleh hadir di antara subjek dan predikat atau mendahului subjek atau hadir dalam bahagian predikat, iaitu selepas kata kerja transitif. Rajah di bawah ini

menunjukkan tiga posisi lazim unsur penerang predikat, tetapi tidak memuatkan posisinya dalam predikat ayat.



Rajah 6.2
Posisi Penerang Predikat

Berdasarkan Rajah 6.2 di atas, unsur penerang predikat boleh hadir dalam tiga posisi yang berbeza, iaitu posisi sebelum subjek, antara subjek dan predikat dan posisi selepas predikat. Menerusi rajah ini, didapati bahawa penerang predikat merupakan unsur pengisi pada bahagian luar teras ayat, melainkan unsur penerang predikat yang mengisi gatra antara subjek dan predikat, unsur ini kelihatan hadir dalam bahagian teras ayat. Bagaimanapun, disebabkan kemampuannya untuk digugurkan, maka unsur penerang predikat ini masih dianggap sebagai unsur sampingan atau unsur sekunder. Unsur penerang predikat ini bersifat pilihan atau optional, iaitu boleh dikekalkan atau digugurkan dalam sesebuah struktur ayat. Disebabkan penerang predikat ditandai oleh kata sendi *dengan* dan *secara*, maka bahagian yang berikut ini dibahagikan kepada dua subbahagian, iaitu *dengan + kata sifat* dan *secara + kata sifat*.

6.3.1 “Dengan” + Kata Sifat

Dalam kajian ini, terdapat dua pola kata sifat yang didahului oleh kata sendi *dengan*, iaitu:

- (i) “dengan” + kata sifat
- (ii) “dengan” + penanda intensiti + kata sifat

Daripada kedua-dua pola ini, pola kata sifat yang mengikuti kata sendi *dengan* dalam gatra adjung amat tinggi frekuensinya berbanding kehadiran *dengan* yang diikuti oleh penanda intensiti dan kata sifat. Dalam kajian ini, penerang predikat ini lazimnya hadir dalam posisi selepas predikat. Ini ditunjukkan menerusi ayat contoh di bawah:

Contoh:

- (19a) *Mereka akan menerima teguran dan nasihat jururawat dengan baik.*
- (19b) *Beliau akan sentiasa menyemak dan menentukan segala-galanya disediakan dengan betul.*
- (19c) *Fatimah dapat melaksanakan amanah sebagai ibu dengan cemerlang.*
- (19d) *Beliau mahu sesuatu perubahan itu dilakukan dengan cepat.*

Berdasarkan contoh (19 a-d) tersebut, penerang predikat hadir dalam gatra adjung dan dari segi posisinya penerang predikat ini hadir selepas predikat, iaitu pada akhir ayat. Kehadirannya selepas predikat adalah untuk memberikan maklumat

lanjut/tambahan berkaitan kata kerja yang menjadi predikat ayat. Dalam data yang diteliti ini, lazimnya penerang predikat hadir pada posisi selepas predikat. Dalam ayat majmuk kadangkala penerang predikat yang hadir di tengah-tengah konstituen utama/teras. Bagaimanapun kehadirannya di dalam posisi tersebut masih pada kedudukan selepas predikat, tetapi sebelum klausa bukan utama. Ini ditunjukkan menerusi ayat yang berikut:

Contoh:

- (20a) *Wan Mas menasihatkan suaminya dengan baik supaya jangan terlalu garang.*
- (20b) *Mereka cuma mahu anak itu dipelihara dengan baik supaya menjadi orang berguna pada masa hadapan.*
- (20c) *Projek itu akan berjaya sekiranya semua bekerja keras serta menyusun strategi dengan teliti demi mengisi tabung Kaum Ibu.*

Contoh (20a-c) di atas menunjukkan bahawa penerang predikat dalam data yang diteliti ini kesemuanya merupakan milik gatra adjung dan hadir dalam posisi selepas predikat. Bagaimanapun, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6.2 sebelum ini, penerang predikat ini mempunyai posisi yang lebih luwes. Bagaimanapun, berdasarkan data yang diteliti ini tidak ada pola penerang predikat “dengan + kata sifat” yang mengisi posisi sebelum subjek. Yang ada ialah kehadiran penerang predikat di tengah-tengah konstituen subjek dan predikat.

Contoh:

- (21a) *Zaleha dengan cepat sedar bahawa peluang untuk memperkasakan wanita ialah menerusi bidang ekonomi.*
- (21b) *Jawapan beliau dengan jelas memperlihatkan ciri kepimpinannya yang bijak dan matang.*
- (21c) *Mahathir dengan mesra menudingkan telunjuk ke arah suara yang membantah.*

Unsur penerang predikat yang mengisi posisi di antara subjek dan predikat bertujuan untuk memberi penegasan kepada kata atau frasa yang menjadi inti kepada predikat ayat. Contoh (21a-c) ini memperlihatkan bahawa apabila kata sendi *dengan* hadir bersama-sama kata sifat *cepat*, *jelas* dan *mesra*, penerang predikat ini bertujuan untuk memberi penegasan kepada *sedar*, *memperlihatkan ciri kepimpinan* dan *menudging telunjuk* yang merupakan frasa yang mengisi predikat. Bagi tujuan penegasan kepada inti predikat, penerang predikat di sini tidak sesuai untuk diletakkan di bahagian akhir predikat kerana ayat tersebut turut memuatkan unsur keterangan lain yang panjang dan jika penerang predikat ini dimuatkan ke dalam posisi selepas predikat, penerang predikat ini gagal menjelaskan predikat inti. Oleh itu, bagi tujuan penegasan, penerang predikat mengisi posisi di antara subjek dan predikat, iaitu mengisi posisi di hadapan predikat.

Di samping itu, bagi tujuan penegasan, penerang predikat juga boleh hadir selepas kata kerja transitif, iaitu mengisi gatra sebelum frasa nama objek.

Contoh:

- (22a) *Walaupun kita tidak dapat memerhatikan dengan lebih dekat cara pergaulan keluarga perdana ini, tetapi kita dapat menangkap kemesraan yang terjalin erat.*
- (22b) *Siti Hasmah bukan sahaja memantau dengan teliti perkembangan persekolahan anak-anak, tetapi juga gerak laku mereka.*
- (22c) *Beliau masih mampu mengingati dengan terperinci kisah-kisah lucu yang mendapatkan gelaran Majid Coco.*

Menerusi contoh (22a-c) ini, *dengan* + *kata sifat* adalah bertujuan untuk memberikan penegasan kepada kata kerja transitif yang menjadi predikat ayat. Oleh itu, penerang predikat ini memisahkan objek daripada kata kerja transitif.

Kesemua contoh di atas memperlihatkan pola “*dengan* + *kata sifat*” dan pola ini meliputi 90.8 peratus daripada 131 ayat yang mengandungi pola penerang predikat seperti ini. Selebihnya, iaitu 12 (9.2 peratus) yang lain terdiri daripada pola *dengan* + penanda intensiti + *kata sifat*. Di sini penanda intensiti diletakkan di tengah-tengah di antara kata sendi *dengan* dan *kata sifat*. Bagaimanapun, dalam data ini hanya satu jenis sahaja penanda intensiti yang mengisi gatra di antara kata sendi dan *kata sifat*, iaitu penanda intensiti *lebih*. Berikut merupakan contoh pola *dengan* + *lebih* + *kata sifat*:

Contoh:

- (23a) *Beliau dihantar ke Hospital Universiti Malaya untuk berehat dengan lebih selesa kerana cucunya berkhidmat di situ.*
- (23b) *Usaha ini dilanjutkan dengan lebih aktif lagi setelah bersara daripada politik.*
- (23c) *Permata yang telah menyinari dan menyerikan dua zaman ini masih bersinar, malahan bersinar dengan lebih terang.*

Contoh 23 (a-c) ini menunjukkan bahawa terdapat dua pola kata sifat yang berfungsi penerang predikat yang ditandai oleh kata sendi *dengan*, iaitu pola *dengan* + kata sifat dan pola *dengan* + penanda intensiti + kata sifat. Dalam fungsi ini, lazimnya kata sifat hadir di bahagian akhir ayat, iaitu selepas predikat, tetapi disebabkan sifat penerang predikat ini yang luwes, maka penerang predikat ini boleh hadir di antara subjek dan predikat atau hadir selepas kata kerja transitif dan sebelum objek, iaitu di tengah-tengah konstituen klausa dalam bahagian teras ayat.

6.3.2 “Secara” + Kata Sifat

Jumlah pola *secara* + kata sifat dalam data yang diteliti ini tidak seperti penerang predikat *dengan* + kata sifat kerana jumlahnya jauh lebih rendah, iaitu

hanya terdapat 35 ayat contoh sahaja atau 21.1 peratus daripada sejumlah 166 kata sifat yang menjadi unsur penerang predikat. Kehadiran “secara + kata sifat” ini lazimnya di bahagian akhir ayat, iaitu selepas predikat. Hal ini, sesuai dengan fungsinya sebagai penerang predikat. Ini ditunjukkan menerusi contoh di bawah:

Contoh:

- (24a) *Fatimah dan suami tidak menggalakkan anak-anak menyertai politik secara aktif.*
- (24b) *Perilakunya yang begitu mempesonakan meninggalkan kesan abadi di kalangan orang-orang yang bernasib baik dapat mengenali beliau secara dekat.*
- (24c) *Beliau amat tegas dalam pendirian bahawa keputusan isterinya untuk menceburi bidang politik hendaklah diambil secara serius.*

Agak berbeza dengan pola “dengan + kata sifat”, bagi pola “secara + kata sifat” tidak terdapat penerang predikat yang hadir di antara subjek dan predikat. Yang ada ialah kehadirannya pada awal ayat.

Contoh:

- (25a) *Secara sulit, mereka berjaya mendapat khabar bahawa keadaan Ismail baik apabila mendengar suaranya membaca berita di British Broadcasting Corporation (BBC).*
- (25b) *Secara ikhlas, Fatimah memang suka menjamu tetamu yang berkunjung.*
- (25c) *Secara jujur, Ibu Enjah sedar bahawa latar belakangnya yang tidak mempunyai pendidikan formal yang tinggi mungkin akan menjelaskan parti.*

Di samping pola “*secara + kata sifat*”, terdapat pola “*secara + penanda intensiti + kata sifat*”. Sama seperti pola *dengan + penanda intensiti + kata sifat*, penanda intensiti *tidak* disisipkan di antara kata sendi *secara* dan kata sifat. Bagaimanapun dalam data yang diteliti, hanya terdapat satu contoh sahaja, iaitu contoh (26) yang berikut:

- (26) *Sebelum itu, sudah wujud sebuah persatuan lain secara tidak formal, iaitu bagi kaum wanita di Bukit Bandar raya, tetapi selepas sekian waktu persatuan itu agak kurang aktif.*

Disebabkan data yang terdapat di dalam data yang dikaji ini agak sedikit bagi pola ini, maka taburan pola ini dalam ayat tidak dapat dijelaskan dengan lebih lanjut. Oleh itu, kajian-kajian yang lain perlu dilakukan untuk memahami perilaku pola “*secara + kata sifat*” ini.

6.4 Kesimpulan

Dalam bab ini, penelitian kata sifat yang mengisi gatra predikat dan penerang predikat amat sedikit berbanding kehadiran kata sifat dalam fungsi penerang, khususnya penerang nama. Hal ini disebabkan dalam menjalankan fungsinya sebagai predikat dan penerang predikat, kata sifat di sini tidak lagi menjalankan fungsi tipikalnya tetapi hanya menjalankan fungsi sampingannya. Oleh itu, di sini kehadirannya yang sedikit dalam gatra predikat dan penerang

predikat menjelaskan bahawa gatra ini bukan merupakan gatra tipikal kata sifat berbanding gatra penerang (lihat Jadual 7.1).

Dalam fungsi predikat, kata sifat pada umumnya dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kata sifat yang mendukung maksud perbandingan dan kata sifat tanpa perbandingan. Bagi kata sifat yang tidak mendukung maksud perbandingan terdapat empat pola, iaitu pola [kata sifat], [penanda intensiti + kata sifat], [penanda aspek + kata sifat] dan pola [penanda modalitas + kata sifat], manakala bagi kata sifat bandingan, terdapat dua pola sahaja, iaitu pola [kata bandingan + kata sifat + (...) + *daripada*] dan pola [penanda intensiti + *se-* + kata sifat]. Dalam menjalankan fungsi predikat ini, didapati kata sifat yang mengisi gatra predikat lazimnya terdiri daripada kata sifat yang tidak mendukung maksud perbandingan. Hal ini disebabkan dalam komunikasi bahasa, manusia walaupun ada membandingkan sifat sesuatu dengan benda atau perkara tertentu, tetapi aspek ini agak kurang diperkatakan berbanding menjelaskan sifat sesuatu. Dalam fungsi ini, didapati kata sifat lazimnya didahului oleh penanda intensiti atau penanda aspek atau modalitas. Dari segi morfologi, lazimnya kata sifat yang mengisi gatra predikat terdiri daripada kata dasar.

Bagi fungsi penerang predikat, kata sifat perlu didahului oleh kata sendi “dengan” dan “secara”. Oleh itu, dalam menjalankan fungsi ini kata sifat terdiri daripada dua subgolongan, iaitu kata sifat yang didahului oleh kata sendi *dengan* dan kata sendi *secara*. Kedua-dua penerang predikat yang didahului oleh kata sendi *dengan* dan *secara* ini, setiap satunya mengandungi dua pola, iaitu pola *dengan/secara* + kata sifat dan pola *dengan/secara* + penanda intensiti + kata sifat. Dari sudut morfologi, sama seperti fungsi yang lain, kata sifat lazimnya

terdiri daripada kata dasar. Dalam fungsi penerang predikat ini, kata sifat mengisi gatra adjung, iaitu gatra di luar unsur teras. Bagaimanapun, disebabkan dalam menghasilkan sesuatu ayat, penulis atau pembicara memberikan fokus atau tekanan yang berbeza terhadap aspek yang diperkatakan, maka unsur penerang predikat ini boleh hadir sebelum subjek, di antara subjek dan predikat, di antara predikat kata kerja dan objek atau selepas predikat. Namun, pada kelazimannya, penerang predikat ini hadir pada bahagian akhir ayat, iaitu bagi menjalankan fungsinya sebagai penerang kepada predikat ayat.

Walaupun banyak daripada buku-buku tatabahasa menganggap bahawa penerang predikat ini adalah sama seperti penerang frasa, khususnya apabila menerangkan kata kerja, tetapi dalam kajian ini penerang kerja dan penerang predikat dibezakan disebabkan atas dasar aras analisis tatabahasanya. Bagi fungsi penerang, sama ada penerang nama atau penerang kerja, kata sifat ini melengkapkan frasa nama atau frasa kerja, iaitu berlaku dalam konstituen aras yang rendah, tetapi dalam fungsi penerang predikat, kata sifat di sini menjalankan fungsi pada aras yang lebih tinggi, iaitu aras klausa dan ayat. Dalam aras ini, penelitian melibatkan peringkat teras dan periferi atau melibatkan aspek subjek dan predikat. Di samping itu, kata sifat ini perlu didahului oleh kata sendi “dengan” dan “secara”.